

PEMBENTUKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB)

• Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan yang dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun. • DEB mula dilaksanakan pada tahun 1970 dan berakhir pada tahun 1990. • DEB dilancarkan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1). • Merangkumi empat Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. • Dasar ini bertujuan untuk memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum, antara wilayah dan antara kawasan dalam wilayah yang sama. • Matlamat DEB ialah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata.	
---	--

Latar Belakang Pembentukan • Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada bulan Januari 1970. • MAPEN ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional bagi memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat. • Anggota MAPEN terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. • Beberapa pakar ekonomi dari dalam dan luar negara diamanahkan untuk merancang dan merangka satu dasar ekonomi.	
--	--

Strategi DEB • Membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum. • Menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. • Terdapat isu-isu sosioekonomi yang berkaitan dengan pelaksanaan strategi DEB iaitu: • Jurang sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera. • Jurang sosioekonomi antara pantai timur dengan pantai barat. • Jurang sosioekonomi antara masyarakat desa dengan bandar. • Jurang sosioekonomi antara negeri.	
--	--

• DEB dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan. • Tujuannya ialah untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang. • Beberapa langkah berkaitan dengan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah dilaksanakan.	(a) Meningkatkan taraf hidup rakyat (b) Memperkenalkan Rancangan Buku Hijau (c) Memperkasa peranan agensi kerajaan (d) Pembangunan tanah oleh FELDA (e) Program pembangunan wilayah (f) Pemilikan modal saham bumiputera (g) Pengenalan Industri Kecil dan Sederhana (h) Pendidikan untuk tenaga kerja mahir
---	---